

20 APR 2002

Mahathir-Bahrain

DR MAHATHIR TIBA DI BAHRAIN UNTUK LAWATAN DUA HARI

Oleh: Khairdzir Mohd Yunus dan Mohd Arshi Daud

MANAMA, 20 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini dari Tripoli, Libya hari ini untuk memulakan lawatan dua hari ke Bahrain.

Dr Mahathir disambut oleh Perdana Menteri Bahrain Sheikh Khalifa bin Salaman Al-Khalifa.

Pesawat Boeing 777-200 Penerbangan Malaysia yang membawa Perdana Menteri dan delegasi terdiri daripada para menteri Kabinet dan ahli perniagaan mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Bahrain di sini kira-kira pukul 1.35 tengah hari waktu tempatan (6.35 petang waktu Malaysia).

Yang turut berada di lapangan terbang menyambut Dr Mahathir ialah Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz yang tiba di sini sebelumnya.

Selepas sambutan rasmi, Dr Mahathir menghadap Raja Bahrain, Sheikh Hamad Bin Isa Bin Salaman Al-Khalifa di istana baginda.

Dr Mahathir kemudian mengunjungi rakan sejawatannya Sheikh Khalifa bin Salaman Al-Khalifa.

Perdana Menteri mempunyai jadual ketat esok termasuk melakukan Upacara Pecah Tanah Pusat Perdagangan dan Pameran Malaysia di daerah Seef di sini.

Beliau juga akan melawat produk Malaysia yang dipamerkan di Bahrain Mall.

Dr Mahathir juga dijangka berucap pada ahli perniagaan di sini pada majlis jamuan tengah hari. Beliau juga akan merasmikan pejabat Petronas dan menyampaikan ucapan utama pada Persidangan Dunia ke-31 IFTDO di Gulf International Convention and Exhibition Centre di sini.

IFTDO ialah rangkaian sumber manusia dan ahli profesional yang bertanggungjawab bagi membangun dan memindahkan pengetahuan, kepakaran dan teknologi.

Dr Mahathir dan delegasi akan pulang malam esok dan dijangka tiba di tanah air pada Isnin.

-- BERNAMA

KHY MAD FAZ